

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN  
MAT NAWI [ TUMPAT ]**

**TARIKH : 24 MAC 2022 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 15**

**DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI [ TUMPAT ]** Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kereta Api Tanah Melayu Berhad (KTMB) akan menyambung semula perkhidmatan kereta api Ekspres Wau dari Kuala Lumpur terus ke Tumpat tanpa transit ke stesen Gemas terlebih dahulu.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Perkhidmatan keretapi Ekspres Wau terpaksa dihentikan pada 2015 kerana menelan kos operasi yang tinggi dan mengakibatkan kerugian sebanyak RM6 juta setiap tahun. Kementerian ini menyedari bahawa perkhidmatan Ekspres Wau ini memberi manfaat yang besar kepada rakyat di sebelah Pantai Timur khususnya Pahang dan Kelantan. Pada masa ini, penumpang yang ingin membuat perjalanan dari Kuala Lumpur ke Tumpat dan dari Tumpat ke Kuala Lumpur masih dapat membuat perjalanan menggunakan perkhidmatan ETS dan Ekspres Rakyat Timuran sedia ada. Pada masa hadapan, ketersambungan rel ke negeri pahang dan Kelantan akan dipertingkatkan dengan penyiapan Projek East Coast Rail Link (ECRL) menjelang tahun 2027 kelak.

Sekian, terima kasih.